

Lawatan sambil belajar ke Daerah Temburong



SERAMAI 40 pelajar menyertai Program Dakwah 'Lawatan sambil Berdakwah ke Daerah Temburong 2.0' yang dikendalikan oleh Fakulti Usuluddin UNISSA (kiri dan kanan).

Berita dan Foto :
Ihsan Universiti Islam Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 Mei. - Dakwah merupakan salah satu kewajipan bagi setiap individu yang beragama Islam, ke arah itu, bagi meningkatkan prestasi dalam penyebaran dakwah di Negara Brunei Darussalam, khususnya di Daerah Temburong, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Usuluddin untuk ke skian kalinya mengadakan satu program dakwah yang dikenali sebagai 'Lawatan sambil Berdakwah ke Daerah Temburong 2.0'.

Program ini merupakan rentetan daripada program sama yang diadakan pada September tahun 2017.

Turut hadir, Dekan Fakulti Usuluddin, Dr. Lilly Suzana, Timbalan Dekan Fakulti Usuluddin, Profesor Madya Dr. Ahmad Fadhel Yosuf dan Pensyarah Fakulti Usuluddin, Ustazah Hajah Nuroh Halimatul Wara' binti Haji Mumin.

Kira-kira 40 pelajar daripada Tahun 1 hingga Tahun 3 termasuk pelajar-pelajar yang mengambil 'Minor in Contemporary Dakwah' mengikuti program selama empat hari. Tidak ketinggalan pelajar dari Universiti Kebangsaan Malaysia yang dalam Program Mobiliti Pelajar turut menyertai program yang berkebiasaan ini.

Pelajar fakulti berbincang dan

mendapat kerjasama padu dari Unit Dakwah, Daerah Temburong dalam menjayakan program ini.

Lawatan dakwah kali tersebut diadakan selama empat hari bermula Sabtu, 12 Mei 2018, yang mana salah satu aktiviti yang diadakan adalah Program Anak Angkat yang berlangsung selama dua hari.

Dalam program tersebut, para peserta diberi kesempatan untuk tinggal bersama keluarga angkat masing-masing bagi mengeratkan silaturahmi dan sedikit sebanyak dapat mempejalari serta menimba pengalaman yang berharga.

Keluarga-keluarga angkat ini merupakan saudara baharu, justeru keberadaan para pelajar bersama mereka dapat membantu untuk meningkatkan fahaman mereka mengenai amalan beragama.



SAUDARA-SAUDARA baharu juga menerima sumbangan berupa pelbagai makanan asas untuk keperluan harian.

Suspek curi gaharu ditangkap

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 Mei. - Bertindak dari maklumat yang diterima daripada orang ramai, pada 18 Mei 2018 sekitar jam 8.45 pagi Pasukan Simpanan 'C' Kompeni, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) berhasil menangkap empat warganegara Malaysia kerana

dipercayai mencuri hasil hutan, iaitu Kayu Gaharu di kawasan hutan Sungai Akar, Berakas.

Empat suspek tersebut adalah Gesmi bin Sahat (L.51) Malaysia; Samuel bin Ukong (L.37) Malaysia; Maling @ Martin bin Ukul (L.56) Malaysia; dan Jerry Tadam (L.41) Malaysia.

Kesemua tangkapan dan barang-barang bukti dibawa ke Balai Polis Berakas untuk siasatan lanjut.

Kes akan disiasat di bawah Akta Hutan Penggal 46.

Pasukan PDB mengucapkan penghargaan terima kasih kepada orang ramai atas maklumat yang

diberikan dan atas keprihatinan, bagi sama-sama membendung aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang di Negara Brunei Darussalam.

Pasukan PDB juga menyeru orang ramai supaya mengongkikan sebarang maklumat berhubung kegiatan jenayah dan hendaklah disalurkan ke Balai-balai Polis yang berdekatan atau ke talian kecemasan polis 993.



BEBERAPA peralatan yang digunakan oleh empat suspek bagi mencuri Kayu Gaharu di kawasan hutan Sungai Akar, Berakas (kiri), sementara gambar kanan, antara Kayu Gaharu yang dicuri oleh suspek warga Malaysia.



ePaper Pelita Brunei

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

PUASA, AL-QURAN BERI SYAFAAT PADA HARI KIAMAT

در نيکتان اوله جياتن فتراغن، جياتن فردان منري دان دجيتق اوله جياتن فرجيتقن کراجان، نکارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.